# Perdana Menteri Di Jiwa Rakyat

UM 31/10/2003 - 8 PRECISE



KAKITANGAN dan pegawai Jabatan Perdana Menteri mengabadikan kenangan bersama Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Putrajaya, semalam.






KIRI:
SERAMAI 3,000 ahli UMNO dari seluruh negara mengikuti ucapan terakhir Dr. Mahathir Mohamad di majlis berbuka puasa bersama Presiden dan Timbalan Presiden parti itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam tadi.

BAWAH:
DR. MAHATHIR Mohamad menjawab soalan pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO sambil diperhatikan (dari kiri) Muhyiddin Yassin, Muhammad Muhd. Taib, Najib Tun Razak, Abdullah Ahmad Badawi serta Khalil Yaakob.

KIRI:
DR. MAHATHIR Mohamad dipeluk oleh seorang ahli UMNO yang berkerusi roda semasa menghadiri majlis berbuka puasa bersama Presiden dan Timbalan Presiden parti itu di PTWC.

BAWAH:
DR. MAHATHIR Mohamad dan Abdullah Ahmad Badawi serta hadirin solat berjemaah tarawih yang diimamkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdul Hamid Zainal Abidin.










ATAS:
TETAMU pada majlis Berbuka Puasa Bersama Presiden dan Timbalan Presiden di Kuala Lumpur tidak ketinggalan mendapatkan tanda tangan Dr. Mahathir Mohamad.

KANAN:
DR. MAHATHIR Mohamad melambaikan tangan sebaik sahaja meninggalkan Bangunan Parlimen, semalam.




WARGA pendidik dan pelajar Kelantan dengan diketuai oleh Pengarah Pendidikan Kelantan, Shafii Ismail (berkot dua dari kiri) melambai tangan sambil memegang kain pemidang penghargaan buat Dr. Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Khas Persaraan Perdana Menteri di Sekolah Menengah Kebangsaan Falahiah, Tumpat, Kelantan.